

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2024**  
**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
**(JKPTG)**

---

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>12 Disember 2024 (Khamis)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>9.00 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Mesyuarat Sri Menanti Aras 4, Podium 1 Menara PETRA</b>
<b>Pengerusi</b>	<b>:</b>	<b>YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>(seperti di Lampiran 1)</b>

---

**1. PERUTUSAN PENGERUSI**

- 1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 3 Tahun 2024.
- 1.2. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli MBJ JKPTG yang baharu iaitu:
  - i. Encik Muhammad Heeza bin Hassan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M14 yang merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah (BPICT); dan
  - ii. Encik Shamsul Arshad bin Abd Razak, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M13 yang merupakan Pengarah JKPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- 1.3. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG yang telah bertukar keluar seperti berikut:
  - i. YM Tengku Rohana binti Tengku Nawawi, mantan Pengarah BPICT yang telah bertukar ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Selangor mulai 1 November 2024; dan
  - ii. Encik Anuar bin Isa, mantan Pengarah JKPTG Negeri Kedah yang telah bertukar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) mulai 11 November 2024.
- 1.4. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:
  - (i) **Program-Program JKPTG**
    - a) YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja JKPTG di atas penganjuran dua (2) program utama berikut:
      1. Program Santuni Madani di Kampung Gertak Lembu, Salor, Kota Bharu, Kelantan pada 26 Oktober 2024. Urus setia induk bagi program ini ialah JKPTG Kelantan dan BKP serta turut mendapat kerjasama daripada KEKASS dan PUSPANITA JKPTG; dan
      2. Majlis Balai Raya NRES Bil. 11/2024 yang telah disempurnakan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada 6 November 2024 di Dewan Damar Sari, Kompleks F, Putrajaya.

**(ii) Pelaksanaan Opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)**

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan semua warga kerja JKPTG telah bersetuju untuk menerima opsyen SSPA. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian-Bahagian dan JKPTG Negeri atas penyelarasan bersama dalam memudah cara pengisian borang opsyen SSPA oleh semua warga JKPTG.
- b) Dengan bermulanya era SSPA ini, semua warga JKPTG perlu sama - sama memastikan prestasi kerja akan menjadi lebih cemerlang kerana rakyat dan pelanggan JKPTG khususnya mengharapkan penyampaian perkhidmatan yang diberikan akan menjadi lebih baik.

**(iii) Penilaian Prestasi Melalui LNPT dan *MyPerformance***

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan tahun 2024 merupakan tahun terakhir pelaksanaan penilaian prestasi secara *dual system* yang merangkumi penilaian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan *MyPerformance*. Walau bagaimanapun, markah penilaian bagi tahun 2024 adalah berdasarkan pencapaian LNPT sahaja manakala penilaian melalui sistem *MyPerformance* akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2025.

**(iv) Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam JKPTG**

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan selaras dengan ketetapan Kerajaan bagi melaksanakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam, pihak pengurusan JKPTG telah menyenaraikan lapan (8) program pelaksanaan yang akan bermula mulai Januari 2025. Dalam hal ini, YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Penyelaras Operasi (SPO) telah dilantik sebagai Pengerusi Penyelaras Agenda Reformasi JKPTG. Lapan (8) program agenda reformasi JKPTG akan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
- i. Program *Outreach Pusaka*;
  - ii. Semakan Pekeliling PTP dan Pekeliling KPTG;
  - iii. Pengurusan Tabung Khas Hakmilik Strata bagi Penyelesaian Hakmilik Strata;
  - iv. Penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating*) Pejabat Tanah;
  - v. Peluasan Sistem e-Tanah;
  - vi. Pengurusan Data Tanah Persekutuan;
  - vii. Penstrukturkan Semula Penjawatan JKPTG; dan
  - viii. Program Santuni Madani.
- b) YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan perancangan hala tuju JKPTG untuk menjalankan fungsi sebagai agensi pusat (*central agency*) dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran tanah Persekutuan. YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar semua warga JKPTG dapat memberikan sokongan penuh kepada pihak pengurusan dalam usaha membawa JKPTG untuk melaksanakan perkhidmatan dengan lebih berkesan.

**(v) Skuad Ihsan Madani JKPTG**

- a) Bersempena menyahut seruan Kerajaan dalam membantu rakyat yang terjejas akibat fenomena banjir, JKPTG telah menubuhkan Skuad Ihsan Madani dan misi pertama akan dilaksanakan pada 15 dan 16 Disember 2024 bagi membantu khususnya warga kerja JKPTG di Negeri Kedah yang terlibat dengan banjir.

**2. PERUTUSAN NAIB PENGERUSI**

- 2.1. YBrs. Naib Pengerusi merakamkan penghargaan kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG yang telah bertukar keluar.
- 2.2. YBrs. Naib Pengerusi turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan di atas kerjasama baik dalam memberi maklum balas dan tindakan yang sewajarnya tehadap usul-usul yang telah dibangkitkan oleh Pihak Pekerja. Ini termasuklah pemberian buku harian rasmi Jabatan bagi tahun 2025 yang dilihat melebihi ekspektasi dan menunjukkan bahawa pihak pengurusan amat menghargai warga JKPTG secara keseluruhannya.

**3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2 Tahun 2024 yang diadakan pada **15 Ogos** disahkan tanpa pindaan.

#### **4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

##### **4.1 Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)*

- 4.1.1 Kemudahan tuntutan caj bulanan alat komunikasi mudah alih kepada Penghantar Notis dan Pembantu Awam yang bertugas sebagai pemandu gantian adalah tertakluk kepada kelulusan pegawai pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal. Dalam hal ini, pemantauan dan kawalan dalam adalah digalakkan;
- 4.1.2 BKP akan memperhalusi kembali perkara ini setelah mendapat edaran Surat Pekeliling baharu yang menetapkan kemudahan yang layak untuk skim Pembantu Khidmat Am (PKA) Gred H1 berdasarkan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA);
- 4.1.3 YBhg. Datuk Pengurus memaklumkan dalam hal ini perkara yang perlu dipertimbangkan adalah *nature of work* bagi PKA Gred H1 tersebut sama ada ditugaskan untuk kerja-kerja pentadbiran atau lapangan; dan
- 4.1.4 YBhg. Datuk Pengurus memohon BKP untuk menganalisa implikasi kewangan serta mengkaji pakej talian telefon yang bersesuaian sekiranya kemudahan ini ingin dilaksanakan.

**Tindakan: BKP**

**4.2 Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantar Notis**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)*

4.2.1 BKP telah membuat pembelian dan perolehan baju hujan kepada semua Penghantar Notis pada bulan Oktober 2024 dan baju hujan tersebut telah diedarkan kepada JKPTG Negeri bermula pada 18 November 2024.

**Makluman**

**4.3 Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)*

4.3.1 Pemilihan pemenang untuk Pertandingan Video Pendek JKPTG telah diadakan pada 29 Oktober 2024. Pengumuman dan penyampaian hadiah pertandingan akan disampaikan kepada pemenang semasa Majlis Perhimpunan Korporat JKPTG Tahun 2025.

**Makluman**

**4.4 Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2024)*

4.4.1 BKP telah mengemukakan surat permohonan kepada pihak JAKIM pada 11 Oktober 2024 berhubung hasrat JKPTG untuk menyertai Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan bermula tahun 2025. Berdasarkan makluman awal yang diterima melalui panggilan telefon, pihak JAKIM telah memberikan maklum balas bahawa Jabatan tersebut tiada halangan untuk memberikan kuota kepada warga JKPTG bagi kedua-dua sambutan bermula tahun 2025.

**Makluman**

#### 4.5 Masalah Sistem MyLand dan Kualiti Khidmat Sokongan Vendor

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2024)

- 4.5.1 BPICT telah mengemukakan surat teguran secara rasmi kepada vendor pada 28 Oktober 2024 termasuk isu-isu dan masalah yang timbul berhubung Modul Pembahagian Pusaka;
- 4.5.2 Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh pihak pengguna JKPTG dan pengguna orang awam, sistem MyLand dilihat tidak mesra pengguna dan masalah yang sama sering berulang. Isu ini bukan sahaja melibatkan Modul Pembahagian Pusaka tetapi juga modul pengurusan tanah yang lain;
- 4.5.3 Berdasarkan kontrak sedia ada, penempatan vendor di Negeri bagi khidmat sokongan boleh dilaksanakan apabila terdapat isu berkaitan sistem. Walau bagaimanapun penempatan pasukan vendor di suatu stesen (Negeri) bukan secara kekal dan akan dimobilisasikan ke stesen lain berdasarkan keperluan;
- 4.5.4 Pihak BPICT juga telah mewujudkan *Whatsapp group* untuk memudahkan komunikasi dan pemantauan khidmat sokongan secara berterusan namun didapati tidak berkesan kerana pihak vendor bertindak meninggalkan *Whatsapp group* tersebut;
- 4.5.5 YBrs. Tuan TKP SKPP mencadangkan masalah sistem MyLand ini dikaji secara terperinci berdasarkan modul sama ada melibatkan proses kerja, keupayaan server atau isu-isu lain; dan
- 4.5.6 YBhg. Datuk Penggerusi memohon BPICT untuk mengkaji isu ini serta mengadakan perbincangan bersama pihak vendor dan selanjutnya melaporkan cadangan penambahbaikan kepada YBhg. Datuk pada bulan Februari 2025.

**Tindakan: BPICT**

**4.6 Status Hala Tuju Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 di UPK**

*(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2024)*

4.6.1 E-mel penjelasan dan pemakluman rasmi mengenai penyeragaman gelaran jawatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Tadbir di JKPTG telah diedarkan pada 8 Oktober 2024.

**Makluman**

**4.7 Pemakluman Alamat Rasmi JKPTG Ibu Pejabat**

*(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2024)*

4.7.1 Melalui e-mel maklum balas pihak PETRA pada 2 Disember 2024, pihak PETRA mengesahkan bahawa Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah bersetuju dengan pertukaran nama Bangunan Wisma Sumber Asli kepada Menara PETRA selaras dengan pertukaran nama Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

**Makluman**

**5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA**

YBrs. Naib Pengurus memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada **27 November 2024** dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

**5.1. SUMBER MANUSIA**

**5.1.1. Pelaksanaan Program Bina Daya Tahan (*Resilience*) dan Pengekalan Motivasi Pegawai Dan Kakitangan Dalam Mendepani Cabaran Bekerja**

5.1.1.1. Seiring dengan ekspektasi yang semakin meningkat pihak pengurusan terhadap pegawai/ kakitangan

untuk meningkatkan pencapaian termasuk mencapai sub sasaran kerja utama dan petunjuk prestasi utama, ia secara tidak langsung telah mewujudkan tekanan kepada pegawai/ kakitangan. Punca tekanan terdiri dari dalaman organisasi seperti beban kerja bertambah, ruang kerja dan alat bantu kerja yang terbatas, isu hubungan inter-personal rakan sekerja dan lain-lain atau punca luaran seperti melayani karenah pelanggan dan pelbagai pihak berkepentingan;

- 5.1.1.2. Ketidakupayaan organisasi khususnya pihak pengurusan untuk menyediakan sistem sokongan kepada pegawai/ kakitangan dalam mendepani cabaran tekanan daripada situasi-situasi berkaitan akan menjaskan keseronokan atau kepuasan bekerja. Maklum balas daripada sesi *wake-up call* yang dijalankan sewajarnya diberi perhatian khusus. Sekiranya gagal ditangani dengan baik, ia boleh mendorong risiko stress atau *anxiety* di kalangan pegawai/ kakitangan;
- 5.1.1.3. Program yang dianjurkan tidak seharusnya terhad kepada aktiviti *team building* dengan jangka hayat kesan adalah singkat. Sebaliknya dicadangkan diadakan program bina daya tahan di mana pegawai/ kakitangan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan stres dan bekerja dalam situasi terbatas;
- 5.1.1.4. Keupayaan kepimpinan dalam organisasi merupakan elemen penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan membina hubungan inter-personal rakan sekerja yang harmoni. Pegawai penyelia sama ada dalam Kumpulan Pelaksana atau

Kumpulan Pengurusan dan Profesional perlu memiliki *basic communication knowledges and skills* untuk mereka mengurus kepelbagaian karakter dan keperluan pegawai/ kakitangan. Keupayaan untuk mengekalkan motivasi akan mewujudkan keseronokan bekerja;

- 5.1.1.5. YBhg. Datuk Pengerusi memohon ahli-ahli MBJ (Pihak Pekerja ) untuk bekerjasama dengan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) untuk berbincang dan mencadangkan program/ aktiviti yang bersesuaian untuk menangani isu ini;
- 5.1.1.6. YBhg. Datuk Pengerusi turut memohon BKP untuk menyediakan dan melaksanakan inisiatif Pembudayaan Keseronokan Bekerja sebagaimana yang terkandung dalam Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Di samping itu, program – program sedia ada di Jabatan seperti *coaching* dan *mentor – mentee* juga perlu diperkasakan semula; dan
- 5.1.1.7. Selain itu, pihak BKP juga dimohon untuk mendapatkan data keputusan Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Penjawat Awam dan mengenalpasti warga JKPTG yang memerlukan bantuan atau sokongan yang sewajarnya.

**Tindakan: BKP, Pihak Pekerja dan AKRAB**

**5.1.2. Penempatan Kakitangan MySTEP Bagi Urusan Khidmat Pelanggan Pejabat Unit Pembahagian Pusaka (UPP)**

- 5.1.2.1. Pihak Jabatan hanya menempatkan seorang kakitangan MySTEP untuk bagi urusan khidmat pelanggan di setiap UPP Negeri. Kakitangan tersebut mengendalikan aduan dan pertanyaan orang awam melalui beberapa saluran seperti berikut; kaunter, telefon, e-mel rasmi pejabat, e-mel pertanyaan/aduan Jabatan, *whatsapp* Jabatan, *whatsapp* UPP, Sistem Helpdesk MyLand dan Sistem Aduan SISPAA;
- 5.1.2.2. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan untuk menempatkan sekurang-kurangnya satu (1) orang kakitangan MySTEP untuk menjalankan urusan di kaunter khidmat pelanggan di setiap pejabat UPP seluruh Malaysia dan menambah jumlah kakitangan MySTEP sekurang-kurangnya kepada dua (2) orang di setiap pejabat UPP yang menerima sekurang-kurangnya 1000 kunjungan orang awam di kaunter dan panggilan telefon setiap bulan;
- 5.1.2.3. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan cadangan untuk menempatkan satu (1) orang kakitangan MySTEP di setiap pejabat UPP tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan bajet;
- 5.1.2.4. YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan peruntukan bagi pembayaran gaji kakitangan COS dan MySTEP yang akan diterima oleh Jabatan bagi tahun 2025 berkurang RM 1 juta berbanding tahun 2024; dan

5.1.2.5. Walau bagaimanapun YBhg. Datuk akan mempertimbangkan cadangan ini tertakluk pada bajet yang akan diterima. Sehubungan itu BPP dimohon untuk menyediakan senarai keutamaan keperluan penempatan kakitangan MySTEP bagi urusan khidmat pelanggan berdasarkan jumlah pelanggan, panggilan telefon dan sebagainya.

**Tindakan: BPP**

## **5.2. KEBAJIKAN**

### **5.2.1. Penganjuran Sukan di JKPTG**

5.2.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan pelaksanaan aktiviti sukan bersama Bahagian/ Aras bagi mengeratkan silaturrahim di antara Bahagian; dan

5.2.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju penganjuran program sukan diteruskan seperti mana terdahulu iaitu berdasarkan zon. Walau bagaimanapun pelaksanaan program sukan tersebut disarankan untuk menjadi lebih kreatif dan tidak menggunakan bajet yang tinggi.

**Makluman**

## **6. HAL – HAL LAIN**

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

### **6.1 Kursus Kemahiran dan Latihan Bagi Pembantu Khidmat Am Gred H1**

- 6.1.1 Pihak Pekerja memohon Jabatan untuk melihat keperluan kursus kemahiran dan latihan yang relevan dan bersesuaian untuk dihadiri oleh kakitangan kumpulan sokongan 2 yang telah ditukar lantik ke dalam skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Awam (PKA) Gred H1; dan
- 6.1.2 YBhg. Datuk Pengurus memohon BKP untuk menyediakan deskripsi tugas yang baharu bagi jawatan Pembantu Khidmat Awam Gred H1 di Jabatan sebelum 15 Januari 2025 dan sesi taklimat kepada semua PKA Gred H1 akan diadakan pada 16 Januari 2025.

**Tindakan: BKP**

### **6.2 Tuntutan Elaun Perjalanan Ke Program Rasmi Anjuran Kerajaan Negeri Sarawak**

- 6.2.1 Wakil JKPTG Sarawak memaklumkan tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan elaun perjalanan ke program rasmi anjuran Kerajaan Negeri Sarawak yang diadakan pada hari minggu;
- 6.2.2 Pihak BKP akan menhubungi pihak pengurusan JKPTG Sarawak bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu ini;

## **6. HAL – HAL LAIN**

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

### **6.1 Kursus Kemahiran dan Latihan Bagi Pembantu Khidmat Am Gred H1**

- 6.1.1 Pihak Pekerja memohon Jabatan untuk melihat keperluan kursus kemahiran dan latihan yang relevan dan bersesuaian untuk dihadiri oleh kakitangan kumpulan sokongan 2 yang telah ditukar lantik ke dalam skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Awam (PKA) Gred H1; dan
- 6.1.2 YBhg. Datuk Pengerasi memohon BKP untuk menyediakan deskripsi tugas yang baharu bagi jawatan Pembantu Khidmat Awam Gred H1 di Jabatan sebelum 15 Januari 2025 dan sesi taklimat kepada semua PKA Gred H1 akan diadakan pada 16 Januari 2025.

**Tindakan: BKP**

### **6.2 Tuntutan Elaun Perjalanan Ke Program Rasmi Anjuran Kerajaan Negeri Sarawak**

- 6.2.1 Wakil JKPTG Sarawak memaklumkan tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan elaun perjalanan ke program rasmi anjuran Kerajaan Negeri Sarawak yang diadakan pada hari minggu;
- 6.2.2 Pihak BKP akan menhubungi pihak pengurusan JKPTG Sarawak bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu ini;

6.2.3 YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan JKPTG Negeri perlu menilai dan melihat semula keperluan untuk menghadiri program-program rasmi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. JKPTG Negeri disarankan untuk menghadiri program yang mempunyai kaitan kerja dengan JKPTG.

**Tindakan: BKP**

### **6.3 Kompetensi Fungsian *MyPerformance***

6.3.1 Wakil Pihak Pegawai memohon BKP untuk mengadakan taklimat bagi menjelaskan Kompetensi Fungsian *MyPerformance* kepada warga JKPTG. Ini adalah kerana terdapat Pegawai Yang Dinilai (PYD) tidak berpuas hati dengan skala penilaian yang diberikan oleh Pegawai Penilai (PP). Sehubungan itu, taklimat tersebut wajar diadakan untuk memberi kefahaman dan mengekalkan keharmonian hubungan kerja warga JKPTG.

**Tindakan: BKP**

## **7. PENUTUP**

- 7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat. YBhg. Datuk Pengerusi mngucapkan tahniah kepada seluruh ahli – ahli MBJ di atas prestasi dan peranan MBJ yang semakin menjurus ke aras peningkatan kualiti warga JKPTG.
- 7.2 YBhg. Datuk Pengerusi berharap cadangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat MBJ dapat direalisasikan dengan tindakan pelaksanaan yang teratur dan memberi kebaikan kepada semua pihak.

6.2.3 YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan JKPTG Negeri perlu menilai dan melihat keperluan untuk menghadiri program-program rasmi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. JKPTG Negeri disarankan untuk menghadiri program yang mempunyai kaitan kerja dengan JKPTG.

**Tindakan: BKP**

### **6.3 Kompetensi Fungsian *MyPerformance***

6.3.1 Wakil Pihak Pegawai memohon BKP untuk mengadakan taklimat bagi menjelaskan Kompetensi Fungsian *MyPerformance* kepada warga JKPTG. Ini adalah kerana terdapat Pegawai Yang Dinilai (PYD) tidak berpuas hati dengan skala penilaian yang diberikan oleh Pegawai Penilai (PP). Sehubungan itu, taklimat tersebut wajar diadakan untuk memberi kefahaman dan mengekalkan keharmonian hubungan kerja warga JKPTG.

**Tindakan: BKP**

## **7. PENUTUP**

- 7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat. YBhg. Datuk Pengerusi mngucapkan tahniah kepada seluruh ahli – ahli MBJ di atas prestasi dan peranan MBJ yang semakin menjurus ke aras peningkatan kualiti warga JKPTG.
- 7.2 YBhg. Datuk Pengerusi berharap cadangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat MBJ dapat direalisasikan dengan tindakan pelaksanaan yang teratur dan memberi kebaikan kepada semua pihak.

- 7.3** Mesyuarat ditangguhkan jam 10.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengurus.

**Disediakan oleh:**

**Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG**

**Bahagian Khidmat Pengurusan**

**17 Disember 2024**

**Disemak oleh:**



**Abd Rahim bin Abd Razak**  
**Setiausaha Pihak Pegawai**



**Nazatul Shima binti Ismail**  
**Setiausaha Pihak Pekerja**

**Lampiran 1**

**SENARAI KEHADIRAN**

**PIHAK PEGAWAI**

- |  |                     |
|--|---------------------|
| 1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain<br>Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan                        | <b>- Pengerusi</b>  |
| 2. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi<br>Timbalan Ketua Pengarah<br>Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan |                     |
| 3. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan<br>Timbalan Ketua Pengarah<br>Sektor Penyelarasian dan Operasi             |                     |
| 4. Encik Baharuddin bin Aziz<br>Pengarah<br>Bahagian Pembahagian Pusaka  |                     |
| 5. Encik Muhammad Heeza bin Hassan<br>Pengarah<br>Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah                  |                     |
| 6. Encik Lee Teck Chiang<br>Pengarah<br>Bahagian Khidmat Pengurusan  |                     |
| 7. Encik Shamsul Arshad Bin Abd Razak<br>Pengarah<br>JKPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur                      |                     |
| 8. Encik Abd Rahim bin Abd Razak<br>Ketua Penolong Pengarah<br>Bahagian Khidmat Pengurusan                       | <b>- Setiausaha</b> |

**PIHAK PEKERJA**

- |  |                     |
|--|---------------------|
| 1. Puan Yati binti Musa<br>Penolong Pengarah<br>Bahagian Dasar dan Konsultasi  | - Naib<br>Pengerusi |
| 2. Puan Nazatul Shima binti Ismail<br>Pembantu Tadbir (Kewangan)<br>Bahagian Khidmat Pengurusan                        | - Setiausaha        |
| 3. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi<br>Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)<br>JKPTG Negeri Selangor                   |                     |
| 4. Encik Roslan bin Md Mohdin<br>Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)<br>JKPTG WP Kuala Lumpur                        |                     |
| 5. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad<br>Penolong Pegawai Teknologi Maklumat<br>JKPTG Negeri Sembilan                  |                     |
| 6. Encik Anwar Tajuddin bin Ismail<br>Penolong Pegawai Tanah<br>Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum                   |                     |
| 7. Encik Md Jafri bin Joalis<br>Penolong Pegawai Tanah<br>JKPTG Negeri Johor   |                     |
| 8. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha<br>Penolong Pegawai Tanah<br>JKPTG Negeri Sarawak                      |                     |
| 9. Encik Mohd Talha bin Ibrahim<br>Pembantu Tadbir (Kewangan)<br>Bahagian Khidmat Pengurusan                           |                     |
| 10. Puan Nor Fadhilah binti Dollah<br>Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)<br>Bahagian Pembahagian Pusaka            |                     |
| 11. Puan Azelah binti Kamaludin<br>Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)<br>Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah |                     |
| 12. Encik Muhamad Faisal Bin Ab Hamid<br>Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)<br>JKPTG Negeri Selangor               |                     |

13. Encik Mohd Luqman bin Mohd Nasib  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pulau Pinang
14. Puan Rabia'tul binti Mohamad  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Melaka
15. Puan Rosni bin Ahmad  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Pahang
16. Puan Norhayati bin Che Wil  
Pelukis Pelan  
JKPTG Negeri Kelantan
17. Encik Hasan bin Ali  
Pembantu Khidmat Am  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Perlis
18. Encik Noor Shahrir bin Noor Yusof  
Pembantu Khidmat Am  
Bahagian Harta Tanah Persekutuan
19. Encik Ahmad Shukree bin Taha  
Pembantu Khidmat Am  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Terengganu
20. Encik Mohd Syahrin bin Adnan  
Pembantu Khidmat Am  
JKPTG Negeri Perak

**TURUT HADIR**

1. Puan Suraya binti Jemari  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  2. Dr. Navarani A/P Vejaratnam  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pengambilan Tanah
  3. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz  
Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  4. Puan Khairiahni binti Mokhtar  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  5. Puan Norzita binti Mohd Nor  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Urus Setia
- Urus Setia
- Urus Setia

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**PIHAK PEGAWAI**

1. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar  
Pengarah  
Bahagian Pengambilan Tanah

**PIHAK PEKERJA**

2. Encik Muhammad Azhari bin Ab Roni  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)  
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Kedah
3. Encik Maslie bin Meli  
Pembantu Khidmat Am  
JKPTG Negeri Sabah

Lampiran 2

PENGKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT  
MBJ BIL. 3 TAHUN 2024 BAGI JKPTG

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan Bayaran Bil Telefon Atas Urusan Rasmi Kepada Pegawai Kumpulan Sokongan 2</li> </ul>	1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-
2.	PENTADBIRAN	-	-	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Menempatkan Vendor di JKPTG Negeri Bagi Khidmat Sokongan Sistem MyLand</li> </ul>	2.	PENTADBIRAN	-	-	-	-
3.	SUMBER MANUSIA	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Status Hala Tuju Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 di UPK</li> </ul>	-	-	3.	SUMBER MANUSIA	-	-	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan Program Bina Daya Tahan (Resilience) dan Pengekalan Motivasi Pegawai Dan Kakitangan Dalam Mendepani Cabaran Bekerja</li> <li>Penempatan Kakitangan MySTEP Bagi Urusan Khidmat Pelanggan Pejabat Unit Pembahagian Pusaka (UPP)</li> </ul>
4.	KEBAJIKAN	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembelian Set Baju Hujan Untuk Penghantar Notis</li> </ul>	-	-	4.	KEBAJIKAN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Sukan di JKPTG</li> </ul>	-	-

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 3 Tahun 2024  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
			<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyertaan JKPTG Dalam Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan</li> </ul>								
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Pertandingan Video Pendek Di JKPTG</li> </ul>	-	-	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-
6.	LAIN-LAIN	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemakluman Alamat Rasmi JKPTG Ibu Pejabat-</li> </ul>	-	-	6.	LAIN-LAIN	-	-	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus Kemahiran dan Latihan Bagi Pembantu Khidmat Am Gred H1</li> <li>Tuntutan Elaun Perjalanan Ke Program Rasmi Anjuran Kerajaan Negeri Sarawak</li> <li>Kompetensi Fungsian MyPerformance</li> </ul>
<b>JUMLAH ISU</b>		<b>5</b>		<b>2</b>			<b>JUMLAH ISU</b>	<b>1</b>		<b>5</b>	

